

## SIARAN AKHBAR CAHAYA TIMUR TERHADAP PEMBINAAN JATI DIRI *MELAYUWIYYAH-ISLAMIYYAH* DI TERENGGANU

Ahmad Naqiuuddin Hamdan  
Pelajar Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
Email: [ahmadnaqiuuddin@gmail.com](mailto:ahmadnaqiuuddin@gmail.com)

Abu Dardaa Mohamad  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
Email: [dardaa@ukm.edu.my](mailto:dardaa@ukm.edu.my)

### ABSTRAK

Kertas kerja ini memaparkan beberapa artikel yang disiarkan oleh akhbar Cahaya Timur sewaktu pendudukan tentera Jepun di Terengganu sepanjang tahun 1942-1943 terutama yang membabitkan persoalan jati diri *Melayuwiyyah-Islamiyyah*. Dengan menggunakan kaedah analisis kandungan, siaran isu yang berkaitan dengan jati diri Melayu-Islam akan dilakukan klasifikasi serta analisis mendalam terhadap kandungan teks. Setelah itu, teks diberikan justifikasi serta deskriptif. Sekalipun didapati penerbitan akhbar Cahaya Timur begitu skeptikal serta dijadikan media propaganda oleh pentadbiran tentera Jepun di Terengganu, namun soal jati diri Melayu-Islam banyak kali diketengahkan oleh pengarang melalui siaran penerbitan akhbar. Sepanjang 18 bulan penerbitan akhbar, terdapat 12 isu berkaitan dengan jati diri orang Melayu-Islam yang diketengahkan terutama berkaitan ketahanan diri dan patriotisme iaitu penduduk harus bangkit mempertahankan keselamatan negeri dengan bersama-sama tentera Jepun melawan tentera penjajah iaitu British. Dengan pembentangan kertas kerja ini, semoga perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia hari ini dapat diperkukuhkan setelah meneliti peristiwa masa lalu.

**Kata Kunci :** siaran, akhbar Cahaya Timur, tentera Jepun, jati diri Melayu

### 1. Pengenalan

Kertas kerja ini cuba meneliti peranan yang dimainkan oleh akhbar tentera Jepun di Terengganu iaitu *Cahaya Timur* yang diterbitkan sepanjang pentadbiran di negeri Terengganu. Sekalipun akhbar ini secara mutlaknya sebagai mekanisme propaganda, namun perihal yang berkaitan dengan jati diri Melayu Islam (*Melayuwiyyah-Islamiyyah*) banyak kali diketengahkan oleh pengarang. Melalui penerbitan akhbar, pihak tentera Jepun menggunakan sentimen tempatan terutama jati diri Melayu dan Islam sebagai penampang untuk menentang kuasa Barat terutama British yang telah bertapak di negeri itu beberapa dekad sebelum itu. Kertas kerja ini juga memfokuskan kepada aspek seruan jati diri orang Melayu dan kedudukan agama Islam dalam kerangka pentadbiran tentera Jepun untuk bangkit menentang anasir luar iaitu British.

### 2. Metodologi kajian

Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan analisis kandungan dengan menganalisis bahan-bahan media cetak iaitu akhbar *Cahaya Timur* terutama yang berkaitan dengan istilah, perkataan, konsep, tema, frasa, atau ayat yang ada dalam akhbar berkenaan (Munawar dan Shahizan, 2021 ; Norafifah Ab Hamid et.al, 2023). Justeru sumber utama ialah koleksi akhbar Cahaya Timur yang diterbitkan oleh pentadbiran tentera Jepun di Kuala Terengganu sepanjang 1942-1943. Aspek yang ingin diteliti ialah aspek sosiopolitik yang berkaitan dengan jati diri penduduk Melayu di Terengganu. Data yang diperoleh dipersembahkan dalam bentuk deskriptif iaitu huraian serta perkaitan antara sebab dan akibat kepada teks berkaitan jati diri orang Melayu.

### 3. Perbincangan

#### 3.1 Penguasaan tentera Jepun di Tanah Melayu dan Terengganu

Perang Dunia Kedua tercetus pada 8 Disember 1941 apabila pasukan tentera Jepun telah mengisytiharkan perang ke atas pihak Berikat yang turut dianggotai Amerika Syarikat dan Britain. Serangan tentera Jepun ke atas Tanah Melayu adalah sebahagian rancangan besar Jepun yang bercita-cita menubuhkan satu bentuk pemerintahan baharu Asia Timur Raya yang berpusat di Jepun yang meliputi China, Manchuria, Indochina-Perancis, Siam, Tanah Melayu, Borneo serta beberapa kawasan lain. Jepun mula mengatur strategi dengan meningkatkan kekuatan angkatan tenteranya bagi menghadapi persaingan, memandangkan hampir keseluruhan Asia Tenggara dikuasai oleh kuasa penjajah Barat (Mohd Nasir, 1991; Radzi Abd Hamid, 2009). Di Tanah Melayu, pasukan tentera Jepun telah menyerang Kota Bharu dengan bantuan kerajaan Thai (Siam). Sebagai tanda penghargaan di atas kerjasama, empat buah negeri iaitu Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu diserahkan kepada Thailand pada tahun kedua pemerintahan tentera Jepun di Tanah Melayu (Abdullah Zakaria Ghazali, 1996).

Pasukan tentera Jepun merancang untuk menyerang Tanah Melayu melalui Thailand sejak tahun 1938 lagi namun hanya pada Oktober 1940, Perdana Menteri Thailand iaitu Phibun Songkhram secara rahsia membenarkan tentera Jepun menyerang Tanah Melayu melalui wilayahnya. Pada Mac 1941, Thailand membenarkan Jepun untuk mendirikan konsulnya di Singgora (Songkhla) sebagai bentuk kerjasama antara kedua pihak. Setelah berjaya menguasai Kota Bharu, tentera Jepun seterusnya ke Terengganu pada 10 Disember 1941 (Isa Othaman, 1992).

Zaman pendudukan tentera Jepun di Terengganu berlangsung lebih kurang tiga tahun setengah yang mana penduduk sama seperti penduduk negeri-negeri lain di Tanah Melayu yang menderita kekurangan makanan terutama beras, pakaian serta keperluan asas lain (Buyong Adil, 1974). Ketika itu penduduk sukar untuk mendapatkan makanan harian seperti beras, gula, susu, dan lain-lain bahan makanan (Yusuf Abu Bakar, 1998).

Kedatangan tentera Jepun di Tanah Melayu membawa bersamanya satu paradigma baharu iaitu sikap kejepunan. Justeru beberapa aspek proses penjepunan diperkenalkan bertujuan menghapuskan kebudayaan Barat khususnya British dan menghidupkan kebudayaan Jepun (Muda Mohd, 1982). Antara aspek-aspek proses penjepunan ini termasuklah:

- i. Penggunaan *Nippon-go* (Bahasa Jepun) sebagai lingua franca dan bahasa rasmi.
- ii. Di sekolah-sekolah, bahasa Jepun dijadikan bahasa pengantar menggantikan bahasa Inggeris.
- iii. Lagu Kebangsaan Jepun (*Kamigayo*) diajar kepada murid-murid. Di samping itu, setiap pagi murid-murid sekolah dikehendaki menunduk kepala ke arah matahari terbit sebagai tanda taat setia kepada Maharaja Jepun, Tenno Heika.
- iv. Menggalakkan senaman ala-Jepun melalui radio-Radio *Taisho*
- v. Sistem radio dikawal oleh *Broadcasting Control Bureau*.
- vi. Mulai 1 September 1943, filem-filem Britain, Amerika, Cina dan India diharamkan. Sebaliknya, banyak filem Jepun ditayangkan
- vii. Mulai Ogos 1944, muzik-muzik musuh (Barat) diharamkan.
- viii. Tempat-tempat tarian diharamkan

### 3.2 Penerbitan Akhbar sebagai media

Di Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua, terdapat akhbar yang diterbitkan oleh kerajaan atau individu (persendirian) yang bertujuan sebagai penyaluran maklumat atau memberikan kesedaran kebangsaan terutama kepada penduduk. Justeru pemikiran bangsa Melayu yang terpancar dari isi dan inti penerbitan akhbar (Iskandar Haji Ahmad, 1980; Hamed Mohd Adnan, 2015).

Johor adalah salah sebuah negeri yang memfokuskan kepada dunia persuratkhabaran. Hal ini disebabkan agak ramai penulis-penulis dari negeri Johor terlibat dalam penulisan dan penerbitan. Justeru antara majalah dan persuratkhabaran yang diterbitkan seperti *Al-Imam*, *Utusan Melayu*, *Warta Malaya*, *Warta Jenaka* serta beberapa yang lain. Konsep “kesedaran” muncul di Johor apabila mereka menulis berkaitan nasib bahasa dan bangsa mereka. Dalam pada itu terdapat daerah-daerah yang menjadi pusat dalam siri penerbitan persuratkhabaran seperti Muar, Johor Bharu dan Batu Pahat (Ibrahim Jaafar, 1975/1976). Perkembangan akhbar dan majalah di Johor sebelum Perang Dunia Kedua menekankan aspek intelektual dan kewartawanan yang memberi tumpuan kepada aktiviti guru sekolah, sekolah-sekolah agama, pentadbir, dan persatuan di negeri tersebut. Sokongan Sultan Johor dan kerajaan negeri ketika itu menyemarakkan lagi kemajuan penerbitan akhbar dan majalah di negeri itu (Siti Zahrah dan Mahani, 2021).

Sebelum perang, Pulau Pinang dikenali sebagai bandar percetakan yang menerbitkan beberapa karya termasuk keagamaan, persuratan, kebudayaan, politik dan sebagainya (Jelani Harun, 2003). Beberapa akhbar diterbitkan seperti *Jawi Peranakan*, *Cahaya Pulau Pinang* yang mana siaran akhbar memuatkan berita luar negeri yang dipetik dari akhbar-akhbar luar negeri. Berita-berita dalam negeri pula tertumpu kepada berita-berita mahkamah (Mohd Dahari, 1977/1978).

Kelantan pula negeri yang banyak menghasilkan tulisan dalam bentuk kitab-kitab agama, syair dan cerita-cerita zaman lampau dalam bentuk majalah dan akhbar. Antara majalah seperti *Pengasuh*, *Al-Kitab*, *Al-Hidayah*, *Terok*, *Putera*, *Al-Kamaliah*, *Suara*, *Kenchana* dan sebagainya. Majalah *Pengasuh* sebuah majalah tertua dalam bahasa Melayu dan juga dalam tulisan Jawi yang diterbitkan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK). Majalah ini dikarang oleh Haji Awang Kenali atau Tok Kenali disamping dibantu oleh tenaga-tenaga anggota Majlis dan ahli Jemaah Ulama yang lain banyak menyiarkan laporan berita dalam dan luar negeri serta suntikan semangat kebangsaan (Abdul Razak, 1993). Selain majalah terdapat akhbar yang diterbitkan pada zaman pendudukan Jepun iaitu akhbar *Matahari* yang menyiarkan berita kerajaan tentera Jepun di Kelantan serta semangat kebangsaan penduduk (Abdul Rahman, 1993).

Di Sarawak akhbar *Fajar Sarawak*, *Majlis*, *Utusan Asas*, *Utusan Sarawak* diterbitkan bagi memberikan suntikan perjuangan penduduk. *Fajar Sarawak* diterbitkan pada 1930-an manakala *Utusan Asas* dan *Utusan Sarawak* pada 1940-an dan 1950-an. Gagasan reformisme Islam dan nasionalisme progresif diterapkan bagi membangkitkan semangat rakyat terhadap penjajahan Barat dan memperjuangkan hak dan kepentingan orang Melayu di Sarawak. *Fajar Sarawak* merupakan perintis dalam memperjuangkan pemikiran antikolonialisme manakala *Utusan Asas* dan *Utusan Sarawak* lebih terang-terang memperjuangkan dasar ini. Ketiga-tiga akhbar ini turut memperjuangkan pendidikan, ekonomi dan kemajuan masyarakat. Ia berjaya meningkatkan kesedaran dan menyokong pembangunan sekolah rakyat. Sekalipun tempoh penerbitan yang singkat, ketiga-tiga akhbar ini telah memberikan sumbangan besar dalam memperjuangkan hak dan masa depan orang Melayu di Sarawak (Nordi Achie, 2022)

Penerbitan akhbar *Lembaga Malaya* yang diterbitkan di Singapura pada tahun 1934 oleh Dato' Onn Jaafar banyak membincangkan aspek kehidupan masyarakat terutama di selatan Tanah Melayu. Peranan akhbar menjadi alat kepada kegiatan kebangsaan Melayu (Ramlah Adam, 1979).

Sewaktu Perang Dunia Kedua, kegiatan penerbitan tidak terhenti. Ini kerana akhbar digunakan sebagai alat untuk menyebarkan maklumat berkaitan dasar kerajaan selain propaganda ketenteraan. Bagi rakyat, mereka memerlukan informasi kerajaan berkaitan perkembangan yang berlaku. Sewaktu pendudukan tentera Jepun, beberapa buah akhbar diterbitkan bagi tujuan propaganda. Antaranya ialah *Berita Malai (Malai Shibun)* yang diterbitkan dalam tulisan Jawi dan Rumi yang menggantikan akhbar kebangsaan Tanah Melayu iaitu akhbar *Utusan Melayu* serta *Warta Melaya*. Idea "Look-To-Japan" dalam akhbar sewaktu pemerintahan Jepun di Tanah Melayu menjelaskan berlaku dominasi ketenteraan dalam bidang kewartawanan yang kemudian mengubahnya menjadi alat propaganda serta nilai-nilai Jepun. Hasrat Jepun ini kemudian dipromosikan oleh sekumpulan intelektual dan nasionalis Melayu melalui akhbar seperti *Malai Sinpo*, *Semangat Asia*, *Suara Timur*, *Matahari*, *Cahaya Timur* dan *Fajar Asia* (Uqbah, Nordin dan Ahmad Ali, 2014). Lebih menarik terdapat kartunis dan seniman seperti Abdullah Ariff yang menggunakan ilustrasi visual tertentu dalam akhbar seperti *Penang Daily News* dan *The Syonan Sinbun* untuk menyokong pemerintahan Jepun dan mencemooh kuasa Barat. Ilustrasi tersebut menggambarkan acara budaya dan perayaan, menekankan keterlibatan dan penduduk Melayu. Karya seni Abdullah Ariff dianggap sebagai alat untuk mempromosikan pemerintahan Timur yang baharu dan mempengaruhi pendapat awam (Saiful Akram, 2016).

Penerbitan akhbar *Suara Rakyat* pada tahun 1945 oleh sekelompok pemuda Melayu di Perak bertujuan meningkatkan kesedaran politik dalam kalangan penduduk Melayu dan memainkan peranan penting dalam pembentukan Parti Kebangsaan Melayu Malaya. Walaupun penerbitan tidak bertahan lama, *Suara Rakyat* berjaya menyebarkan kesedaran politik dan menggoyahkan kuasa kolonial beserta penyokongnya (Ishak Saat, 2010).

*Warta Malaya* adalah akhbar yang mana setiap rencana yang disiarkan dianggap mempunyai hubungan dengan masyarakat pada masa itu disentuh dengan hujah-hujah yang berterus terang, bersemangat dan berani. Aspek-aspek yang disentuh meliputi perkara seperti pentadbiran, kemajuan ekonomi, sosial, pelajaran dan bahasa Melayu, kedudukan dalam jawatan-jawatan kerajaan, soal dominasi bangsa-bangsa asing, dan tidak ketinggalan membicarakan soal agama. Berita-berita tempatan dan berita-berita luar negeri yang dimuatkan memberi gambaran yang jelas kepada pembaca mengenai suasana sekeliling mereka (Zulkifli Mahmud, 1975/1976).

Tema-tema utama seperti akidah, syariah dan tamadun Islam dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan penduduk. Dalam pada itu, kebanyakan tajuk siaran akhbar bertujuan untuk mengatasi kemerosotan masyarakat Melayu dan menggesa mereka untuk memberi keutamaan kepada pendidikan dan pembangunan ekonomi (Ahmad Faisal dan Faizuri, 2013).

### 3.3 Akhbar Cahaya Timur di Terengganu sebagai propaganda Jepun

Oleh kerana pentadbiran tentera Jepun di Terengganu memerlukan satu wadah untuk mengindoktrinasi serta menyampaikan maklumat kepada penduduk maka Ketua Pegawai Maklumat di Jabatan Propaganda (Penerangan) diarahkan untuk menerbitkan sebuah akhbar rasmi secara mingguan di negeri itu. Akhbar yang dinamakan sebagai *Cahaya Timur* diterbitkan di Kuala Terengganu antara tahun 1942-1943. Siaran pertama akhbar bermula pada 27 Februari 1942 dan berakhir pada Ogos 1943 iaitu bersempena penyerahan Terengganu oleh pentadbiran tentera Jepun kepada kerajaan Thailand. Penyerahan ini berkait rapat dengan bantuan negara tersebut yang

membenarkan wilayahnya di Patani dan Singgora dijadikan lokasi ketenteraan untuk menyerang Tanah Melayu pada Disember 1941.

Seorang lelaki Melayu tempatan iaitu Mohd Salleh Haji Awang (Dato' Setia Jasa) yang lebih dikenali sebagai Misbaha dilantik dilantik untuk mengendalikan urusan penerbitan akhbar tersebut. Mohd Salleh yang dilantik sebagai Ketua Pengarang menggunakan nama Asmara manakala rakan-rakan yang lain seperti Abdul Kadir Adabi, Ibrahim Fikri, Abdullah Omar dan Wan Sulaiman turut membantu sebagai Sidang Pengarang (Muda Mohd, 1982). Tujuan penerbitan akhbar *Cahaya Timur* adalah untuk menyampaikan maklumat kerajaan Jepun kepada penduduk Terengganu serta menyebarkan doktrin yang bersifat skeptikal ke dalam pemikiran penduduk iaitu bertujuan untuk memastikan sokongan terus diberikan kepada Jepun dan membentuk sikap anti-British dalam kalangan penduduk khususnya di Terengganu (Hamdan Aziz et. al., 2017).

Selain maklumat-maklumat yang cuba disampaikan kepada rakyat, kandungan akhbar juga memuatkan berita ringkas dan pelajaran bahasa Jepun. Tidak ketinggalan juga ialah ruangan pojok sajak, cerpen, dan karikatur yang merupakan ruangan sastera. Selepas enam bulan penerbitannya, *Cahaya Timur* memuatkan tulisan-tulisan mengenai tujuan perang Asia Timur Raya dan tulisan-tulisan yang dapat menimbulkan semangat kepada orang Melayu supaya rajin bekerja dan menambahkan usaha dalam mengeluarkan bahan-bahan makanan (Muda Mohd, 1982).

Peranan yang dimainkan oleh Mohd Salleh sewaktu pemerintahan Jepun menyebabkan beliau dianggap sebagai seorang pro-Jepun serta mementingkan diri sendiri. Namun setelah diteliti siaran pengarang tidak pernah memburuk-burukkan orang Melayu bahkan tertumpu kepada propaganda memburukkan pemerintahan British (Hamdan Aziz dan Mohd Komarul Aripin, 2017). Sekalipun akhbar ini bersifat propaganda Jepun, kedaulatan bangsa Melayu dan Islam melalui institusi kesultanan jelas masih dipertahankan (Hamdan Aziz, Razi Yaakob, Zulkifli Abdullah dan Siti Fatimah Mohd Noor, 2017).

### **3.4 Pembinaan jati diri *Melayuwiyyah-Islamiyyah* melalui akhbar *Cahaya Timur***

Jati diri atau *huwiyyah* adalah sifat, ciri atau watak asli yang dimiliki oleh seseorang atau sesuatu bangsa yang membentuk identiti serta perwatakan bangsa tersebut (Zakaria, Noranizah & Abdul Fatah, 2012). Dengan kata lain, jati diri merujuk kepada identiti diri yang sebenarnya atau asli yang dimiliki oleh seseorang yang bukan sahaja terlihat secara lahiriah, tetapi juga termasuk juga nilai-nilai yang menjadi pegangannya. Ia juga merujuk kepada identiti diri yang masih utuh dengan nilai-nilai adat, budaya, agama, bangsa dan negara. Justeru jati diri Melayu-Islam berkait rapat dengan dakwah yang membawa maksud seruan, ajakan, atau panggilan (Nurwahidah, 2007; Wan Mohamad, 2010). Seruan yang ingin ditonjolkan dalam kajian ini adalah melihat bagaimana akhbar *Cahaya Timur* digunakan sebagai medium membentuk jati diri Melayu-Islam.

Berdasarkan Undang-Undang Tubuh Negeri Terengganu (UUTNT), istilah *Islamiyyah-Melayuwiyyah* telah digunakan oleh Kerajaan Negeri sebagai bentuk penegasan bahawa Terengganu adalah sebuah negeri Melayu yang merdeka serta menjalankan pentadbiran berlandaskan kepada syariat Islam. Pernyataan ini dicatatkan melalui UUTNT yang digubal oleh Sultan Zainal Abidin III, Dato' Seri Amar Diraja serta pembesar-pembesar yang lain dalam memastikan kedaulatan negeri kekal terpelihara. Fasal 51 "Agama negeri dan Agama lain" mencatatkan:

"Sesungguhnya telah disifatkan dan disebutkan dan ditetapkan selama-lamanya Kerajaan Terengganu ini Kerajaan Islamiyyah-Melayuwiyyah ialah yang dikatakan agama Negeri dan Kerajaan maka tiadalah boleh sekali-kali sebarang agama lain dijadi



atau disebut agama Negeri sekali pun banyak segala bangsa dan agama diamankan dan dibenarkan masuk diam di dalam Negeri dan jajahan Terengganu.

Berdasarkan Fasal 51 ini secara jelas menunjukkan Terengganu adalah sebuah kerajaan Islam-Melayu. Istilah ini merujuk Kerajaan Terengganu selama-lamanya adalah diperintah oleh anak watan Melayu Terengganu yang beragama Islam. Dalam pada itu penggubalan Itqanul Muluk mempunyai kaitan dengan usaha Kerajaan Terengganu secara legal (undang-undang) untuk mempertahankan kedaulatan Islam dan Melayu. Dalam pada itu istilah Islamiyyah-Melayuwiyyah juga boleh diertikan sebagai orang Melayu dan agama Islam adalah perkara yang tidak boleh dipisahkan kerana Islamlah yang menjadi ciri kekuatan bagi bangsa Melayu. Justeru Islam dan intitusi Raja Melayu adalah satu unsur bagi inti-teras jati diri orang Melayu kerana tanpa adanya kedua unsur tersebut, maka jati diri orang Melayu akan hilang tanpa identiti yang tepat (Wan Ahmad Fauzi, 2018).

Berdasarkan siaran dalam akhbar Cahaya Timur, beberapa item yang berkaitan dengan pembinaan jati diri seperti etika, budaya kebangsaan, bahasa kebangsaan, patriotisme, ketahanan diri, kekuatan jiwa dan sahsiah diri diketengahkan. Antara tajuk-tajuk akhbar yang berkaitan sebagaimana Rajah 1 di bawah:

**Rajah 1: Analisis Terhadap Tajuk-Tajuk Utama Akhbar Cahaya Timur, 1942-1943**

Bil	Tajuk	Tarikh Keluaran
1	Tembelang Dasar Pemerintahan British Malaya	Bil. 4/ 16 Muharram 1361
2	Niat British Hendak Memeluk Gunung Tetapi Terpeluk Biawak Sial	Bil. 5/ 23 Muharram 1361
3	Bagaimana British Kecewa Di Eropah	Bil. 7/ 7 Safar 1361
4	Sudahkah Kita Sedar: British Musuh Islam	Bil. 8/ 14 Safar 1361
5	Apakah Nasib Kita Yang Akan Datang	Bil. 19/ 18 Mei 2602
6	Bangsa Melayu Ada Berkelayakan	Bil. 23/ 15 Jun 2602
7	Ucapan Tuan Haji Masu Sami Bekas Wakil Nippon di Itali (Yang Dipertua Persatuan Islam di Nippon)	Bil. 26/ 6 Julai 2602
8	Kewajipan Umat Melayu Hari ini Berdiri Di Atas Kaki Sendiri	Bil. 28/ 20 Julai 2602
9	Kesatuan Faham Sangat Mustahak	Bil. 29/ 27 Julai 2602
10	Kewajipan Umat Melayu Terhadap Ugama Islam	Bil. 30/ 3 Ogos 2602
11	Kebudayaan Islam	Bil. 55/ 27 Jan 2603
12	Ucapan Syucikan di Sekolah Nippon Kuala Terengganu Dalam Istiadat Menamatkan Latihan Pimpin Tanaman di Bukit Sawa	Bil. 85/ 25 Hachitgsu 2603

Sumber: Akhbar *Cahaya Timur*, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Terengganu (PSMCT)

Antara tajuk siaran yang cuba ditanam persepsi negatif oleh pengarang terhadap British ialah dengan tersiarnya tajuk “Tembelang Dasar Pemerintahan British Malaya” bertarikh Bil. 4/16 Muharram 1361H. Antara intipati kandungan dicatatkan bahawa pentadbiran British di Tanah Melayu termasuk di Terengganu adalah banyak menyusahkan penduduk. British juga digambarkan sebagai penipu serta berlagak suci apabila memperkenalkan slogan menaungi penduduk Tanah Melayu kerana apa yang berlaku adalah sebaliknya. Kuasa British cuba mengaut sebanyak mungkin hasil bumi di Tanah Melayu untuk kepentingan mereka. Di sini, pengarang secara halus membangkitkan semangat jati

diri khususnya ketahanan diri penduduk Melayu supaya tidak lagi bernaung di bawah kuasa British yang lari meninggalkan Tanah Melayu setelah diserang tentera Jepun. Oleh itu penduduk perlu berlindung di bawah pentadbiran tentera Jepun dan dengan cara ini semangat jati diri Melayu-Islam boleh ditingkatkan.

Antara tajuk siaran yang cuba merendah-rendahkan kuasa British ialah dengan tersiarnya tajuk berita “Niat British Hendak Memeluk Gunung Tetapi Terpeluk Biawak Sial” bertarikh Bil. 5/ 23 Muharram 1361H. Pengarang cuba menggambarkan British mempunyai cita-cita yang besar untuk berkuasa di Tanah Melayu namun berlaku di sebaliknya. Cita-cita British bukan sahaja tidak tercapai bahkan terpaksa menanggung malu apabila tewas kepada pasukan tentera Jepun. Dari sini, pengarang cuba membawa pembaca bahawa jangan lagi bergantung harap kepada British tetapi perlu bergantung kepada tentera Jepun serta penduduk perlu mempunyai kekuatan jiwa yang tinggi.

Dalam pada itu siaran bertajuk “Bagaimana British Kecewa Di Eropah” bertarikh Bil. 7/ 7 Safar 1361H menjelaskan betapa kekuatan British di Eropah bukanlah sekuat mana berbanding dengan kekuatan tentera Jepun yang menguasai Asia Tenggara dan Pasifik. Jika orang Melayu seluruhnya Bersatu di bawah panji tentera Jepun, mereka boleh membina kekuatan bangsa dan agama mereka sendiri dengan pertolongan tentera Jepun. Hasrat inilah yang cuba disampaikan oleh pengarang.

Siaran Bil. 8/ 14 Safar 1361H bertajuk “Sudahkah Kita Sedar: British Musuh Islam” secara jelas pengarang cuba membawa pembaca bahawa musuh sebenar orang Melayu ialah British dan bukannya tentera Jepun. Ini kerana peranan British di peringkat antarabangsa pernah bermusuhan dengan kerajaan Turki Uthmaniah. Permusuhan sebegini tidak begitu ketara antara Jepun dengan mana-mana negara umat Islam manakala penguasaan Jepun ke atas kebanyakan negara di Asia Tenggara adalah untuk kemakmuran bersama di atas slogan Asia untuk Asia.

Sementara itu melalui siaran akhbar bertarikh Bil. 19/ 18 Mei 2602 cuba mengheret pembaca untuk menilai kembali nasib bangsa Melayu yang rata-rata beragama Islam jika mereka tidak mempertahankan identiti mereka bersama dengan tentera Jepun untuk tadbir urus Tanah Melayu. Siaran bertajuk “Apakah Nasib Kita Yang Akan Datang” adalah jelas bersifat propaganda dengan membangkitkan semangat orang Melayu khususnya di Terengganu dalam pembinaan jati diri.

Siaran bertarikh Bil. 23/ 15 Jun 2602 menarik kerana nada memujuk digunakan pengarang supaya orang Melayu tidak lagi terlalu bergantung kepada orang British dalam mengatur urus tadbir negeri mereka dengan mengenengahkan tajuk “Bangsa Melayu Ada Berkelayakan”. Bagi pengarang, anak watan terutama orang Melayu juga mempunyai kelayakan untuk mentadbir negeri jika diberi peluang serta dengan tunjuk pihak kerajaan tentera Jepun. Dalam kalangan mereka ada yang terpelajar yang mendapat pendidikan tinggi bahkan sampai ke Eropah, Timur Tengah atau di beberapa tempat lain.

Ucapan Tuan Haji Masu Sami, mantan Wakil Nippon di Itali (Yang Dipertua Persatuan Islam di Nippon) yang disiarkan melalui akhbar Cahaya Timur bertarikh Bil. 26/ 6 Julai 2602 juga menarik kerana membincangkan kedudukan penduduk di dunia Islam. Antara penduduk Islam di Tanah Melayu dengan rakyat Jepun, ia adalah tidak jauh kerana terdapat mereka yang beragama Islam. Justeru persaudaraan sesama Islam penting di bawah panji pentadbiran tentera Jepun dan bersama-sama membangunkan negeri serta mempertahankan tanah air. Kriteria pembinaan jati diri yang diketengahkan sangat berkait rapat dengan sahsiah diri. Ucapan Syucikan di Sekolah Nippon Kuala Terengganu Dalam Istiadat Menamatkan Latihan Pimpin Tanaman di Bukit Sawa disiarkan melalui akhbar bertarikh Bil. 85/ 25 Hachitgsu 2603 secara tidak langsung memberi maklum bahawa penduduk perlu mempunyai ketahanan diri yang tinggi.

Siaran akhbar bertajuk “Kewajipan Umat Melayu Hari ini Berdiri Di Atas Kaki Sendiri” bertarikh Bil. 28/ 20 Julai 2602 adalah berkait rapat dengan ketahanan diri. Ini kerana pengarang akhbar yang bertanggungjawab menyampaikan dasar kerajaan Jepun iaitu selama-lamanya tidak boleh bergantung kepada kerajaan. Apatah lagi ketika itu adalah zaman perang yang mana dunia umumnya berhadapan dengan peperangan yang akhirnya terjebak dalam krisis makanan, kesihatan atau sebagainya. Hal ini menyebabkan pengarang cuba memberi kesedaran kepada penduduk bahawa mereka selama-lamanya tidak boleh bergantung kepada kerajaan dan harus berusaha dengan sendiri. Dalam pada itu siaran akhbar yang bertajuk “Kewajipan Umat Melayu Terhadap Ugama Islam” bertarikh Bil. 30/ 3 Ogos 2602 juga memberikan peringatan kepada penduduk supaya patuh kepada agama Islam dan juga pemerintah.

Dalam pada itu hasrat kerajaan tentera Jepun untuk penduduk Melayu bersatu di bawah pentadbiran dengan tajuk siaran akhbar “Kesatuan Fahaman Sangat Mustahak” bertarikh Bil. 29/ 27 Julai 2602. Dalam pada itu siaran akhbar bertarikh Bil. 55/ 27 Jan 2603 mengenengahkan perihal yang berkaitan dengan Islam iaitu “Kebudayaan Islam”. Di Terengganu, kebudayaan Melayu Islam yang diresapi budaya kejepunan perlu dipertahankan.

#### 4. Kesimpulan

Sekalipun penerbitan akhbar *Cahaya Timur* di Terengganu bersifat propaganda ketenteraan dan saluran maklumat kerajaan tentera Jepun kepada penduduk. Namun bagi penduduk Melayu Terengganu, penerbitan akhbar dikira masih bertuah kerana ketua pengarang adalah seorang Melayu Islam yang dikira masih mempunyai jati diri Melayu Islam yang tinggi. Hal ini terbukti apabila siaran akhbar sama sekali tidak merendahkan orang Melayu, sebaliknya yang menjadi sasaran ialah pihak British. Dengan menggunakan akhbar ini, didapati banyak aspek pembinaan jati diri khususnya yang berkaitan dengan ketahanan diri dalam ruang lingkup *Melayuwiyyah-Islamiyyah*.

#### 5. Penghargaan

Setinggi penghargaan kepada Penyelia Projek Pelajar iaitu Dr. Abu Dardaa Mohamad, Jabatan Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang menjalankan penyeliaan terhadap kertas projek pelajar yang mana penerbitan prosiding adalah sebagai pra syarat pengijazahan Sarjana Secara Kerja Kursus di UKM.

#### 6. Rujukan

- Abdul Rahman Al-Ahmadi. (1993). *Sejarah Penerbitan Surat-Surat Khabar dan Majalah-Majalah di Kelantan (1910-1970)*. Monograf, Warisan Kelantan XII. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Abdul Razak Mahmud. (1993). *75 tahun Majalah Pengasuh (1918-1993)*. Monograf, Warisan Kelantan XII. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Abdullah Zakaria Ghazali. (1996). *Pentadbiran Tentera Jepun dan Thai di Terengganu 1942-1945*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ahmad Faisal Abdul Hamid & Faizuri Abdul Latif. (2013). *Pemikiran Islah Majalah Pengasuh Tahun 1918*. Jurnal Al-Tamaddun 8(1), 115-131.
- Ahmad Munawwar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali. (2021). *Mengenai Kuantitatif & Kualitatif dalam Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.



- Akhbar *Cahaya Timur*. (1942-1943). *Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Terengganu (PSMCT)*. Kuala Terengganu.
- Buyong Adil. (1974). *Sejarah Terengganu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Hamdan Aziz & Mohd Komarul Aripin Ismail. (2017). *Misbaha: Putera Jalan Tok Lam: Tokoh Persuratan, Keagamaan, Kebajikan dan Pensejarahan Terengganu*. Kuala Nerus: UMT.
- Hamdan Aziz, Razi Yaakob, Zulkifli Abdullah & Siti Fatimah Mohd Noor. (2017). *Akhbar Cahaya Timur (C.T.) di Terengganu: Analisis Terhadap Peranan Ulama Serta Survival Bangsa Melayu dan Agama Islam*. Proceeding of International Conference on Empowering Islamic Civilization, hlm. (67-71).
- Hamed Mohd Adnan. (2015). *100 Akhbar Melayu*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Ibrahim Jaafar. (1975/1976). *Persuratkhabaran Negeri Johor Sebelum Perang*. Jurnal Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia (JEBAT) 5/6, 107-112.
- Ishak Saat. (2010). *Peranan Politik Akhbar Suara Rakyat 1945-48 (The Political Role Of The Suara Rakyat Newspaper 1945-48)*. Jurnal Kemanusiaan 17, 65-89.
- Iskandar Haji Ahmad. (1980). *Persuratkhabaran Melayu 1876-1968*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Jelani Harun. (2003). *Pulau Pinang Bandar Percetakan Awal Negara*. Kolokium Kebangsaan Melayu Pulau Pinang. Anjuran Dewan Budaya, Universiti Sains Malaysia. (17-18) September.
- Mohamad Isa Othman. (1992). *Pendudukan Jepun di Tanah Melayu 1942-1945 (Tumpuan di Negeri Kedah)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Mohd Dahari Othman. (1977/1978). *Akhbar Cahaya Pulau Pinang 1900-1908*. Jurnal Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia (JEBAT) 7/8, 115-121.
- Mohd Nasir Ismail. (1991). *Pendudukan Jepun di Terengganu 1942-1943*. Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya.
- Muda Mohd. Taib A. Rahman. (1982). *Pendudukan Jepun di Terengganu*. Dlm. Khoo Kay Kim (pnyt.), *Sejarah Masyarakat Melayu Moden (161-181)*. Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Universiti Malaya.
- Norafifah Ab Hamid, Mahfuzah Mohammed Zabidi, Siti Nurul Izza Hashim & Nor Azlina Abd Wahab. (2023). *Penerapan Ilmu Logik Dalam Kursus Falsafah Dan Isu Semasa: Kepentingannya Terhadap Mahasiswa*. Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED) 8(52), 93-103.
- Nordi Achie. (2022). *Perjuangan Agama, Bangsa dan Nusa: Kajian Terhadap Tiga Akhbar Melayu di Sarawak*. Jurnal Kinabalu 28, 230-249.
- Nurwahidah Alimuddin. (2007). *Konsep Dakwah dalam Islam*. Jurnal Hunafa 4(1), 73-78.
- Radzi Abd Hamid. (2009). *Pendudukan Jepun di Tanah Melayu dan Borneo*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramlah Adam. (1979). *Lembaga Malaya 1934-1941*. Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia 8, 59-77.
- Saiful Akram Che Cob. (2016). *Seniman Abdullah Ariff Sebagai Propagandis Visual Sewaktu Pendudukan Jepun Di Malaya*. Jurnal Perintis Pendidikan (INTI) 21(1), 36-51.
- Siti Zahrah Mahfood & Mahani Musa. (2021). *Perkembangan Suratkhbar dan Majalah di Johor Sebelum Perang Dunia Kedua*. Sejarah: Journal of History Department, University of Malaya 30(1), 84-104.
- Uqbah Iqbal, Nordin Hussin & Ahmad Ali Seman. (2014). *Idea Pandang Ke Jepun dalam Akhbar dan Majalah Semasa Perang Dunia Kedua*. Jurnal Pengajian Melayu 24, 1-62.
- Wan Ahmad Fauzi Wan Husain. (2018). *Kenegaraan Malaysia: Sejarah, Kedaulatan dan Kebangsaan*. Perlis: UNIMAP Press.

- Wan Mohamad Sheikh Abdul Aziz. (2010). *Strategi, Kaedah Dan Pelaksanaan Dakwah Dalam Membina Jati Diri Kebangsaan*. Dlm. Mohd. Yusof Othman (pnyt.), *Jati Diri Kebangsaan Manhaj Islam Hadhari* (85-96). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yusuf Abu Bakar. (1998). *Jepun Perintah Terengganu 1941-1945*. Berita Darul Iman Januari-Jun.
- Zakaria Stapa, Noranizah Yusof & Abdul Fatah Shahrudin. (2012). *Islam Asas Pembentukan Jati Diri Bangsa Melayu-Muslim*. Jurnal Hadhari Special Edition 129-141.
- Zulkifli Mahmud. (1975/1976). *Peranan Warta Malaya di Tahun-Tahun 1930-An*. Jurnal Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia (JEBAT) 5/6, 147-158.